

CNS6769

U GB 15-01 00170 BA426

aab

PM DUKACITA DENGAN SIKAP NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa dukacita atas amalan dua nilai oleh negara-negara maju khususnya berhubung prinsip kemanusiaan.

Perdana Menteri berkata : +Saya berasa dukacita kerana dengan Iraq, begitu cepat sekali tindakan diambil, tetapi terhadap penyiksaan rakyat Bosnia tiada langsung perasaan kemanusiaan di kalangan mereka yang mendakwa mereka begitu bertanggungjawab terhadap isu-isu kemanusiaan.+

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas serangan tentera bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat terhadap Iraq kelmarin yang dilaporkan telah menyebabkan 15 orang terbunuh.

Sebelum itu, Dr Mahathir telah mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Jepun Kiichi Miyazawa di Hotel Hilton Kuala Lumpur. Pemimpin Jepun itu, yang berada di sini selama tiga hari, kemudian berlepas ke Thailand dalam rangka lawatannya ke empat negara Asean.

Malaysia telah mendesak penggunaan tentera di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menamatkan pembunuhan dan penyiksaan rakyat Bosnia oleh kaum Serbia. -- Bernama

♥15/01/15-22MST